

# pendapat

Oleh Prof Dr Mansor Abu Talib

Ahli Seumur Hidup Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT)



# Menjayakan wawasan 'Universiti adalah Masyarakat'

➔ Kembalikan  
wibawa  
pengajian  
tinggi relevan  
kepada  
masyarakat

**A**manat Tahun Baharu 2019 oleh Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik menegaskan pendidikan adalah alat transformasi bagi menyediakan penyelesaian terhadap kepelbagaian masalah semasa yang melanda masyarakat.

Beliau mengingatkan keperluan untuk mengembalikan wibawa pengajian tinggi yang relevan kepada masyarakat dengan penekanan kepada konsep pemindahan ilmu. Slogan 'Sekolah Adalah Komuniti dan Universiti adalah Masyarakat' amat bertepatan dengan aspirasi beliau.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi) menggariskan 10 lonjakan yang antaranya memfokuskan kepada keberhasilan warga akademik dalam

memacu transformasi masyarakat dan negara.

Lonjakan Ketujuh, iaitu ekosistem inovasi sangat bersesuaian dengan fungsi aktiviti penyelidikan dan inovasi warga universiti sebagai pemangkin kepada kesejahteraan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat Malaysia.

Inisiatif dalam lonjakan ini menggesa agar akademia di Malaysia beroperasi secara lingkaran empat pihak (quadruple helix) yang membabitkan akademia, industri, kerajaan dan komuniti. Bersesuaian dengan itu, setiap universiti mencari fokus dan niche masing-masing melalui aktiviti penyelidikan, inovasi, pengkomersialan dan pemindahan ilmu kepada masyarakat.

Kementerian Pendidikan (KPM) mengusahakan pendanaan melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) bagi merealisasikan misi kedua dan ketiga universiti, iaitu penyelidikan dan inovasi serta aktiviti pengembangan dan konsultasi.

Geran seperti Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS); Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS); Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Proto-

taip (PRGS) dan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) diperkenalkan bagi menyemai dan menjana ilmu mengikut tahap penciptaan ilmu oleh akademia.

#### Penjanaan ilmu

Selain penjanaan ilmu baharu, Geran Program Pemindahan Ilmu (KTP) diperkenalkan mulai 2011 dalam RMK10 untuk memindahkan ilmu dari institut pengajian tinggi (IPT) kepada pihak komuniti dan industri. Seterusnya geran komuniti ini dijenamakan menjadi Geran KTP Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Namun begitu, trend kebelakangan ini menunjukkan peruntukan bagi geran komuniti seperti ini semakin mengecil. Ketiadaan penawaran geran komuniti lain mulai 2018 seperti Geran Dana Strategi Lautan Biru (NBOS) mengehadkan inisiatif pemindahan ilmu kepada masyarakat seperti yang diilhamkan oleh Menteri Pendidikan dalam amanat beliau baru-baru ini.

Geran pemindahan ilmu adalah berbeza dengan geran yang diselia oleh MyGrants kerana geran KTP meminimumkan aspek penyelidikan dan menitik-

beratkan pemindahan ilmu. Geran ini juga bermatlamat berlakunya perubahan amalan, pengetahuan, sikap dan aspirasi dan seterusnya penghakupayaan oleh komuniti yang terbabit.

Jumlah penawaran geran komuniti perlulah diperbaikkan lagi dan jumlah siling setiap projek sekarang dipertingkatkan bagi memastikan kelestarian terhadap program pemindahan ilmu. Menurut maklumat daripada sekretariat KTP di Universiti Sains Malaysia (USM), peruntukan yang disalurkan kini adalah dari pendanaan RMK10, iaitu RM64 juta untuk pusingan pertama hingga kelima.

#### Geran komuniti

Jumlah projek bagi RMK10 adalah sebanyak 460 dengan had maksimum peruntukan bagi setiap projek ialah RM200,000 untuk jangka masa selama dua tahun. Namun begitu, ketiadaan peruntukan pendanaan di bawah RMK11 menyebabkan siling projek mulai 2017 diturunkan kepada RM80,000 setiap projek.

Bilangan projek bagi setiap universiti juga berkurangan secara drastik. Ini memberi impak kepada projek pemin-

dahan ilmu yang diukur melalui bilangan jaringan komuniti dan bilangan projek berimpak tinggi. Di universiti, impak ini diselia oleh pejabat jaringan komuniti masing-masing dan menjadi tanda aras pencapaian staf.

Selain kewangan, sudah tiba masanya penilaian geran komuniti bagi pemindahan ilmu oleh akademia mengambil kira pendekatan konsultatif dengan memastikan cadangan penyelidikan dan pelaksanaan program mesti membabitkan pihak berkepentingan serta pelanggan akhir, iaitu komuniti itu sendiri.

Komuniti terpilih perlu juga menunjukkan komitmen yang padu bagi bersama-sama menjayakan program yang dirancang.

Penilaian impak atau pulangan pelaburan sosial (ROI) sama ada berbentuk kuantiti dan kualiti turut diberikan penekanan agar aspirasi menyelesaikan masalah utama dalam komuniti dapat dicapai melalui inisiatif pemindahan ilmu ini. Semoga slogan Sekolah Adalah Komuniti dan Universiti Adalah Masyarakat akan terus diperkasa ke arah kesejahteraan Malaysia.



Pelan  
Pembangunan  
Pendidikan Malaysia  
(PPPM) 2015-2025  
(Pendidikan Tinggi)  
menggariskan  
10 lonjakan  
yang antaranya  
memfokuskan  
kepada  
keberhasilan  
warga akademik  
dalam memacu  
transformasi  
masyarakat dan  
negara"

\* Penulis juga Pengarah  
Pusat Transformasi  
Komuniti Universiti  
(UCTC), Universiti Putra  
Malaysia (UPM).